KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

CANANG

MAC 2019

Bercakap mengenai generasi, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara, selaku ianya jentera pembangunan. Oleh itu Kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa para belia itu diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan.

Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan, termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada internet of things, artificial intelligence dan seumpamanya, dimana Fourth Industrial Revolution akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat, khasnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak Kerajaan sendiri, termasuk akan mengubah landscape kehidupan seharian.

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari
Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara 2019

"Pelaburan Untuk Masa Depan"

Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2019 / 2020 sebanyak BND93,729, 780.00.

FOKUS PERTAMA: **meningkatkan kerjasama dengan Rakan Strategik iaitu pihak-pihak yang berkepentingan melalui kaedah whole of nation approach**

1. Meningkatkan penglibatan dan akauntabiliti Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan agar terus bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang memberikan impak.
2. Meningkatkan dan mengembangluaskan kerjasama dengan pihak korporat dan swasta melalui Corporate Social Responsibility.
3. Meningkatkan penglibatan dan memperkasa penggiat seni untuk memajukan Seni, Budaya dan Warisan.
4. Menjamin Kebajikan dan Kualiti Hidup Masyarakat melalui peningkatan peluang pekerjaan, keusahawanan dan kebolehpasaran bagi golongan sasaran secara inklusif.

FOKUS KEDUA: **menambahbaik pemberian perkhidmatan termasuk melalui pensejajaran proses-proses yang ada agar ianya lebih efisien dan diberikan tepat pada masa.**

1. Meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan dengan mempraktikkan pendekatan-pendekatan inovatif, berdasarkan bukti dan amalan terbaik.
2. Menjana hasil dan pulangan pelaburan melalui peningkatan pendekatan Public Private Partnership dan Outsourcing.

Atrium, Pusat Membeli-Belah Times Square, Sabtu, 2 Mac - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Times Square, Yayasan Jepun, IBTE-CET, BAJA, Alumni JENESYS, BERSATU, BJFA-UBD dan UTB Chapters telah menganjurkan Minggu Kebudayaan dan Bahasa Jepun 2019 yang diadakan selama dua hari.

PELANCARAN
MINGGU KEBUDAYAAN DAN BAHASA JEPUN

Disamping promosi budaya Jepun, ianya juga mempromosikan bahasa dan peluang-peluang untuk belajar di negara itu. Pelbagai petak pameran disediakan untuk mengongsikan maklumat-maklumat berkenaan antaranya, Biasiswa Kerajaan Jepun oleh Persatuan Alumni Brunei Japan (BAJA), pengenalan kepada bahasa Jepun asas oleh Bahagian Latihan dan Lanjutan Pendidikan, Kementerian Pendidikan (IBTE-CET), perkongsian mengenai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSYEAP) oleh BERSATU, juga perkongsian Program Pertukaran Belia ASEAN-Jepun (JENESYS) oleh Alumni JENESYS.

KUNJUNGAN HORMAT
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KUWAIT,
TUAN YANG TERUTAMA SALAH MUBARAK MUSLEH AL-MUTAIRI
05.03.2019

Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA)
Brunei DPMM FC

Atrium, Pusat Membeli Belah Times Square, BERAKAS, Jumaat, 8 Mac - Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) di antara A.K.K Design selaku penerbit Majalah MatchDay Brunei DPMM FC dengan rakan-rakan dan penyokong Majalah MatchDay Brunei DPMM FC bagi musim Liga Perdana Singapura 2019.

BRUNEI DARUSSALAM PAINTBALL OPEN
(BDPO) 2019

Paintball Arena, JERUDONG, Sabtu, 9 Mac - seramai 23 buah pasukan terdiri dari beberapa buah negara ASEAN iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand dan Negara Brunei Darussalam telah menyertai Brunei Darussalam Paintball Open (BDPO) 2019 dalam tiga kategori iaitu Divisyen 1, Divisyen 2 dan Divisyen 3. Kejohanan ini turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Kemajuan Pelancongan; Persatuan Paintball Kebangsaan Brunei Darussalam (PANTAS) dan Raskal Sports, Malaysia.

Masjid Setia Ali, PEKAN MUARA, Sabtu, 9 Mac - Seramai 1,000 peserta lelaki dan perempuan, terdiri daripada Ahli-ahli Persatuan Belia dan Sukan; Pelatih PKBN; Pelatih Pusat Pembangunan Belia; Peserta Program Belia Cinta Tanah Air; Sukarelawan-Sukarelawan; Belia-Belia Masjid; Qari dan Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan; Mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi; Penuntut-penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Sekolah Menengah dan Sekolah Ugama; Agensi-agensi kerajaan dan swasta serta belia-belia perseorangan hadir bagi sama-sama menyemarakkan Majlis Khatam Al-Quran 35 Kali bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis khatam ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Raes KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Pusat Boling I-Bowl, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac - Kejohanan Tenpin Boling Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bagi tahun 2019 anjuran Kongres Tenpin Boling Negara Brunei Darussalam (NBDTBC)

Kategori Perseorangan: Johan- Md. Shahwal bin Mustapa, Naib Johan - Awangku Haziqquddin Shah Wardi bin Pengiran Anak Hishamuddin Shah Mardi, ketiga - Awang Ahmad Hajizi bin Awang Haji Bakar

Kategori Kumpulan: Johan - Kumpulan POA, Naib Johan - Kumpulan NSDY, ketiga - Kumpulan PBBM 2 dan keempat - Kumpulan CKT Bowlers.

High Series Wanita : Dayang Fatin Adilah binti Haji Mahadim.

High Series Lelaki : Mohd. Al-Amin bin Haji Abd. Hamid.

Kategori Wanita : Hajah Ardiah binti Haji Serbini.

Kategori Senior : Mohammad bin Waslee.

Kategori Graded : Pengiran Haji Yasfadillah bin Pengiran Haji Md. Yassin.

JERUDONG, Jumaat, 15 Mac. - Bermula dengan menjalankan perkhidmatan gunting rambut di kediamannya sendiri sejak tahun 2017, Haji Izaz Fahad bin Haji Bahrein kini telah berjaya membuka kedai yang dikenali sebagai Bercuts Barbershop terletak di Jerudong .

Kedai tersebut yang mempunyai keistimewaannya dan mampu menghasilkan 'haircuts' tersendiri dengan menggunakan tenaga pekerja tempatan seramai tiga orang, membuktikan bahawa belia-belia tempatan mempunyai kebolehan dan daya saing untuk bekecimpung dalam keusahawanan.

Pusat Belia, **BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mac. –** Keusahawanan Belia Hujung Minggu (Youth Entrepreneurship Weekend) yang dianjurkan oleh Excel Event Management selama tiga hari sehingga 17 Mac bertujuan menjadi platform bagi para usahawan belia mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, terutamanya mereka yang membuat perniagaan dari rumah.

Turut diadakan ialah sesi Kongsi Sama Urusniaga (Business 101 Advisory Session), di mana wakil-wakil daripada industri dan usahawan-usahawan mengongsikan pengalaman, kaedah-kaedah dan kemahiran yang dapat membantu menjalankan perusahaan yang berjaya.

Projek ini yang juga mengambil kesempatan bersempena cuti persekolahan, mengadakan pelbagai aktiviti kekeluargaan, antaranya peraduan mewarna, Spelling Bee, Memanah, Jualan Car Boot Sale dan sebagainya. Dalam masa yang sama, 10 peratus hasil jualan akan disumbangkan kepada Dana Anak-Anak Yatim Kebangsaan Brunei.

Johan - Brunei 10, **Naib johan** - Kolej Tingkatan Enam, Tunku Abdul Rahman Putra Sabak Bernam, Selangor, dan; **tempat ketiga bersama** Brunei 1 dan Pasukan Sabah 16 .

Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, Ahad, 17 Mac. - Persekutuan Petanque Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) Negara Brunei Darussalam menganjurkan Brunei Darussalam Double Open sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

Lima persatuan dari dalam dan luar negara iaitu pasukan Persekutuan Petanque Brunei Darussalam (26 pasukan); pasukan Persatuan Petanque Sabah (19 pasukan); pasukan Persatuan Petanque Sarawak (16 pasukan); persatuan Petanque Sabak Bernam, Selangor (enam pasukan) dan pasukan Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Labuan (dua pasukan) telah menyertai kejohanan ini.

World Down Syndrome Day

#WORLDDOWNSYNDROMEDAY

#WDSD19

#LEAVENOONEBEHIND

#LOTSOFSOCKS

Sumber: *https://www.worlddownsyndromeday2.org/*

"Every form of poetry is unique, but each reflects the universal of the human experience, the aspiration for creativity that crosses all boundaries and borders of time, as well as space in the constant affirmation of humanity as a single family.
That's the power of poetry!"
— Audrey Azoulay, Director-General, on the occasion of 2019 World Poetry Day

Sumber: *https://en.unesco.org/commemorations/worldpoetryday*

Festival Layang-Layang (Kikik) Antarabangsa Kali Pertama Negara Brunei Darussalam 2019

Taman Mahkota Jubli Emas, **BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mac.** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli dan merasmikan Festival Layang-Layang (Kikik) Antarabangsa Kali Pertama Negara Brunei Darussalam 2019 yang diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah DYMM di Taman Mahkota Jubli Emas dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Yang Di-Pertua Persatuan Kikik Negara Brunei Darussalam (PEKIKIK), Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Festival dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Festival.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Di-Pertua PEKIKIK, Awang Haji Maidin menyembahkan bahawa penganjuran festival buat pertama kalinya membuktikan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan peserta antarabangsa bahawa NBD tidak mahu ketinggalan dalam memastikan kelangsungan tradisi dan budaya masyarakat Brunei bertepatan dengan tema festival iaitu 'Mengeratkan Perpaduan (Strengthening Unity)'.

Bagi kategori Kikik Paling Kreatif dimenangi oleh Marcel Burri dari Switzerland; Kikik Paling Berwarna-warni / Harmoni diberikan kepada Tan Xinbo dari Republik Rakyat China; Pekikik Paling Aktif pula diraih oleh Malcolm Hubbert dari New Zealand; Pertandingan Rokkaku (Layang-Layang Berskala Besar) Stunt Kite dimenangi oleh Wang Jiahua dari Republik Rakyat China dan Pertandingan Berlaga (Berpulut) pula dimenangi oleh Lu Su Hung dari Republik Rakyat China.

"Tujuan utama program ini dapatlah disimpulkan sebagai untuk menjana ketahanan, melalui pemperkasaan para belia, supaya mereka itu lebih aktif dan kreatif dalam kerjaya masing-masing.

Kita tidak mahu para belia kita hanya asyik berseronok sahaja tanpa lebih memikirkan masa depan yang panjang yang penuh dengan cabaran. Hanya belia yang sedar dan pemikir sahaja yang mampu untuk menjadi pasak kepada negara. Selain daripada itu, tidak ada apa-apa yang dapat diharapkan.

Para belia mesti kaya dengan azam untuk berbakti, bukan untuk menjadi beban kepada negara dan masyarakat. Inilah janji suci yang perlu ada dan ditanam dalam jiwa setiap belia."

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
pacara Perbarisan Tamat Latihan Program
Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-Lapan
Khamis, 7 Rejab 1440 Hijrah bersamaan 14 Mac 2019 Masihi

Pengambilan Kelapan PKBN bermula 2hb Disember 2018 hingga 14 Mac 2019. Seramai 388 belia telah mendaftar sebagai pelatih iaitu 246 pelatih lelaki & 142 pelatih perempuan. Setakat ini PKBN telah mengeluarkan seramai 2,537 Alumni PKBN.

PAMERAN 2ND ALL WOMEN ART EXHIBITION 2019 (ART TO HEART)

Galeri Seni Jabatan Muzium Brunei, Bangunan Dermaga Diraja, BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Pameran Seni Pelukis Wanita Kali Ke-2, 'Art to Heart' menzahirkan sokongan terhadap raja dan negara melalui penghasilan lebih 100 karya seni visual dan lukisan oleh 50 pelukis wanita yang berbakat besar, terdiri daripada pelbagai lapisan usia dan profesi.

Pameran dianjurkan oleh Yayasan Seni Zakaria Omar (YSZO) dengan kerjasama Kumpulan HAWA (All Women Artist Group) dengan sokongan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Pameran ini juga akan membuat sumbangan derma sebanyak 20 peratus daripada hasil jualan lukisan yang mana akan disalurkan ke Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

LARIAN HARI KEBANGSAAN 2019 SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35 TAHUN 2019

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Mac. - Seramai 2,178 orang telah mendaftar untuk menyertai Larian Hari Kebangsaan 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019.

Kategori Lelaki Terbuka 10km: Juara - Younes Ammouta, kedua - Awang Mohammad Samsul bin Zamri, tempat ketiga - Awang Muhammad Haziq Syazwan bin Hermanti, keempat - Awang Abdul Malik bin Awang Hidup dan Kelima - Awang Muhd Nor Risman bin Ismail.

Kategori Wanita Terbuka 10km: Juara - Yvette Jacobine Maria Korteknas, tempat kedua - Kathryn Jane Deuerlein, ketiga Dayang Siti Fatimah binti Mohammad, keempat - Dayang Shazana Nabilah binti Haji Ayob, kelima - Dayang Nuramal Nadhirah binti Abdul Rahim.

Kategori Lelaki Veteran: Juara - Sefli Ahar, kedua - Haji Jupli bin Haji Pangis, ketiga - Awang Sahminan bin Haji Mohammad Salleh, keempat - Chung Kwei Ming dan kelima - Awang Othman bin Mustapha.

Kategori Wanita Veteran: Juara - Airinee Liam, kedua - Cecilia Maksimon, ketiga - Dayang Supinah binti Haji Adris, keempat - Dayang Siti Fatimah binti Haji Abu Bakar dan kelima - Dayang Husna Abdullah.

Kategori Lelaki Remaja: Juara - Awang Mohd Safwan Syazwan bin Haji Mohd Raney, kedua - Awang Mohd Danish bin Othman, ketiga - Awang Mohd Hakeme bin Mohd Helme, keempat - Awang Mohd Basyir Darwisy bin Abu Hanifah dan kelima - Awang Muhd Nurirfan bin Muhd A'arafah.

Kategori Perempuan Remaja: Juara - Dayangku Nurul Aina Syafiqah.

PAMERAN KALIGRAFI DAN LANSKAP ISLAM PAKISTAN

Muzium Teknologi Melayu, KOTA BATU, Ahad, 24 Mac. - Kedutaan Pakistan di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kaleidoscope Studio menganjurkan Pameran Kaligrafi dan Lanskap Islam Pakistan bersempena sambutan Hari Kebangsaan Republik Pakistan Ke-79 sehingga 3 April 2019.

Sebanyak kira-kira 19 buah hasil kaligrafi dan lanskap oleh pelukis wanita terkenal Pakistan, Shehla Rehman, dipertunjukkan di pameran itu.

MAJLIS PENUTUP KURSUS LIFE SKILLS TRAINING (LESTARI) KALI KE 19

Perkampungan Sukan KSNHB, BERAKAS, Ahad, 24 Mac. - 33 orang belia yang berusia antara 16 hingga 26 tahun telah mengikuti Latihan Kemahiran LESTARI Ke-19 anjuran Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam pada 21-24 Mac. Program diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Latihan dijalankan oleh belia-belia tempatan dari anggota Brunei Darussalam AIDS Council Life Skills Graduates (BLISS) dengan menumpukan pemerkasaan belia dan kepimpinan melalui pendidikan kemahiran hidup dalam persekitaran interaktif. Selain itu, latihan dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran tentang HIV / AIDS dalam mensasarkan jangkitan sifar di Brunei dalam ertikata lain menggalakkan para belia untuk bertanggungjawab ke atas diri mereka sendiri, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

Dewan Tarbiyah KUPU SB, JALAN TUTONG, Isnin, 25 Mac - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Persatuan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar KUPU SB telah mengadakan Majlis Kesenian dan Kebudayaan Islam bersempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35.

Berbagai persembahan kesenian dan kebudayaan dipersembahkan antaranya Demonstrasi Kaligrafi oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Deklamasi Sajak, Hadrah, Seni Bela Diri (Silat), Syair Al-Marhum, Seni Memanah dan Pentomen daripada jemputan-jemputan khas dan mahasiswa-mahasiswi KUPU SB. Majlis tersebut juga dimeriahkan dengan lantunan pantun oleh Yang Berhormat Menteri KKBS, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar serta para hadirin.

MAJLIS RESEPSI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEMERDEKAAN DAN KEBANGSAAN KE-49 REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, JERUDONG, Rabu, 27 Mac - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Ke-49 Republik Rakyat Bangladesh.

DEWAN DIGADONG, KKBS, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mac - Persatuan Kemajuan Insan "KESAN" menganjurkan Program 'Belia Brunei Berbakti' kali ke-lima. Edisi kali ini membawakan tema 'Tourists in Our Own Country' memberikan peluang kepada para belia untuk mengetengahkan ide dan kreativiti dalam menjalankan sesuatu projek disamping mengadakan sesi interaksi dan perkongsian pengalaman dengan agensi-agensi yang berkepentingan .

Dewan Serbaguna, KSNHB, BERAKAS, Sabtu, 30 Mac - Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah bagi Kejohanan Karatedo Terbuka Borneo kali pertama 2019 menyaksikan seramai 161 orang peserta berentap bagi merebut pingat-pingat kejohanan. Kejohanan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Persekutuan Karatedo Brunei Darussalam (BRUKAF) dan Rengokai Karatedo Brunei Darussalam (RKBD).



Taman Persiaran, KUALA BELAIT, Sabtu, 30 Mac - Hampir 500 peserta 'We Run The Night' anjuran RYS Entertainment sempena mengambil bahagian dalam tiga kategori iaitu 3 KM Fun Run; 6 KM dan 11 KM bagi memeriahkan acara 'Kuala Belaitku Ceria'.



PEKAN MUARA, Ahad, 31 Mac - Bagi merapatkan hubungan antara perpustakaan dengan orang awam dan mempromosikan koleksi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan serta manifestasi kepada kepentingan perpustakaan sebagai media utama dalam menyebarkan dan mendapatkan sumber maklumat, Dewan Bahasa dan Perpustakaan (DBP) Muara mengadakan Hari Terbuka Perpustakaan 2019.

Hari terbuka berkenaan merupakan salah satu usaha DBP untuk memasyarakatkan budaya membaca di kalangan masyarakat Brunei, selain bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan melalui budaya membaca. Pelbagai acara menarik berbentuk informatif dan interaktif turut diadakan seperti gerai jualan makanan dan minuman, pameran dan riadah berbasikal serta senamrobik.

Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mac 2019 - Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2019 berakhir dengan mempertandingkan tiga kategori peringkat akhir.

Kejohanan selama dua hari, bermula 30 hingga 31 Mac itu, adalah platform untuk penggemar sukan lawan pedang untuk mengasah bakat dan kemahiran. Disamping itu juga, ianya bertujuan sebagai platform untuk mencari pelapis atlet kebangsaan bagi mewakili negara dalam sukan berkenaan.

3 MONTH EXTENSION HOF WORKSHOP

TUNTUTAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG FARDHU – *Petikan Khutbah Jumaat 22 Rejab 1440/ 29 Mac 2019.*

Surah Al-Mudathir ayat 42-43:

"Mereka berkata: Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?. Orang-orang yang berdosa itu berkata: Kami tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang mendirikan sembahyang."

Daripada Abdullah bin Maksud Radiallahu Anhu bahawa dia telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam mengenai amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala:

Apakah amalan yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala?

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam: Sembahyang pada waktunya.

Di dalam Al-Qur'an ada menyebutkan bahawa antara hikmah dan kebaikan yang diperolehi bagi mereka yang menjaga ibadah sembahyang itu ialah:

Pertama: Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan pertolongan kepada hamba-hambaNya yang bersabar dan mendirikan sembahyang.

Kedua: Orang yang khusyuk dan menjaga sembahyang tergolong dalam golongan orang-orang yang berjaya yang akan mewarisi Syurga Firdaus.

Ketiga: Dengan sembahyang kita akan memperolehi sesuatu yang mengembirakan, menenangkan dan mententeramkan hati.

Keempat: Orang yang mendirikan sembahyang dengan sempurna akan terselamat daripada segala kelemahan, dianggap darjatnya kepada semulia-mulia makhluk dan ditempatkan di dalam syurga dengan diberi penghormatan.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam ***Penyunting & Penyemak***, Unit Perhubungan Awam ***Perwajahan dan Aturhuruf*** Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.